

03/01/2002

Pertumbuhan tiga peratus realistik: Ahli ekonomi

Nor Liza Ahmad

UNJURAN pertumbuhan tiga peratus bagi ekonomi Malaysia tahun ini yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, disifatkan sebagai realistik dan mampu dicapai, kata ahli ekonomi.

Unjuran itu, yang disifatkan sebagai baik dalam konteks persekitaran ekonomi global, mampu dicapai menerusi sokongan beberapa faktor dalaman dan luaran termasuk pelaksanaan projek pembangunan dan pertumbuhan eksport negara.

Timbalan Ketua Pengarah Institut Kajian Antarabangsa dan Strategik (Isis), Datuk Dr Zainal Aznam Yusof, berkata pertumbuhan ekonomi tiga peratus itu mampu dicapai menerusi sokongan kerajaan bagi menggiatkan ekonomi negara.

Katanya, tahun lalu kerajaan turut mengumumkan dua pakej rangsangan berjumlah RM7.3 bilion bagi merangsang kegiatan ekonomi negara dengan lebih cepat dan berkesan.

"Ia bergantung kepada sejauh mana pakej rangsangan fiskal yang diumumkan kerajaan dilaksanakan sepenuhnya serta bantuan daripada pemulihan ekonomi di peringkat global.

"Unjuran pertumbuhan 3.0 peratus oleh Perdana Menteri itu bagaimanapun lebih rendah berbanding jangkaan awal antara 4.0 hingga 5.0 peratus sebelum ini," katanya kepada Berita Harian di Kuala Lumpur, semalam.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan dalam program 'Wawancara Bernama dengan Perdana Menteri' kelmarin berkata, kadar pertumbuhan ekonomi negara dijangka mencapai tiga peratus tahun ini.

Beliau turut mengunjurkan kedudukan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara sepanjang tahun lalu dijangka berkembang di antara 0.5 peratus dan satu peratus.

Zainal Aznam berkata, pertumbuhan ekonomi negara pada separuh pertama tahun ini diunjur berkembang di antara satu hingga dua peratus.

"Bagaimanapun, pertumbuhan separuh tahun kedua dijangka lebih baik di antara 4.0 hingga 5.0 peratus didorong oleh perkembangan kegiatan eksport yang positif dalam tempoh berkenaan," katanya.

Sementara itu, ahli ekonomi Standard & Poor's MMS International, Dave Cohen, berkata, perkembangan ekonomi Malaysia bagaimanapun masih bergantung kepada pengaruh persekitaran antarabangsa.

Katanya, kedudukan ekonomi Amerika Syarikat yang dijangka kembali pulih pada suku pertama tahun ini mungkin boleh menjadi petunjuk kukuh kepada pencapaian ekonomi negara.

Perkembangan ekport Malaysia yang dijangka lebih baik bagi suku kedua tahun ini juga berupaya meletak ekonomi negara dalam landasan kukuh.

"Kegiatan eksport beberapa industri utama termasuk sektor elektronik dijangka kembali rancak pada tahun ini terutama pada separuh kedua tahun didorong kedudukan ekonomi global yang kembali memperlihatkan tanda pemulihan," katanya.

Beliau berkata, kemampuan Malaysia menghadapi kegawatan ekonomi dunia nyata memberi banyak kelebihan kepada negara untuk terus menikmati pertumbuhan ekonomi yang lebih positif.

"Kami turut mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun ini sekitar 3.0 peratus," katanya.

(END)